

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YB DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL  
ANUAR BIN WAN AHMAD  
[KUALA KANGSAR]

**TARIKH :** 20 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

**SOALAN :**

**Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha ke arah status negara maju ini seiring dengan pencapaian warganegaranya yang maju dari segi sikap, budaya dan keseimbangan jurang-jurang sosio ekonomi yang sedia ada berikutnya pertumbuhan ekonomi negara yang memberangsangkan sekarang dalam menuju wawasan 2020.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha Malaysia menjadi negara maju menjelang tahun 2020, Kerajaan sentiasa memastikan aspek pembangunan dari segi sikap, budaya dan keseimbangan sosio-ekonomi tidak sesekali dipinggirkan. Ini kerana Kerajaan amat percaya kemajuan ekonomi dan material semata-mata tidak akan bermakna dan bertahan lama (*sustainable*), tanpa disertai kemajuan yang seiring dari segi kerohanian, peradaban, pemikiran, perpaduan, budaya dan adat resam, serta peluang saksama untuk rakyat memperbaiki taraf dan kualiti hidup.

Dalam pada itu, Kerajaan juga sedar bahawa dalam kepesatan pembangunan negara, wujud "kesan sampingan" pembangunan seperti keruntuhan akhlak, peningkatan kadar jenayah, kerapuhan institusi keluarga, pencemaran dan peningkatan kos sara hidup.

Sebagai sebuah Kerajaan yang komited dan prihatin, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah secara bersepadu dengan menggembung jentera Kerajaan di pelbagai peringkat bagi memastikan Malaysia menjadi negara maju dalam erti kata sebenar. Antara langkah penting bagi memupuk rakyat Malaysia yang beretika, bertanggung jawab dan patriotik adalah melalui pengukuhan kurikulum di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi, penganjuran Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), program-

program belia, pemantapan institusi keluarga dan penguatkuasaan undang-undang.

Bagi merapatkan jurang pendapatan pula, Kerajaan mengambil pendekatan inklusif atau keterangkuman bagi memastikan semua rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum, diberikan peluang yang saksama untuk mengambil bahagian dan mendapat nikmat daripada kemajuan pembangunan negara. Komitmen Kerajaan ini dimanifestasikan dalam semua rancangan pembangunan, termasuk dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang sedang disediakan. Antara langkah yang diambil adalah dengan menyediakan infrastruktur, utiliti dan kemudahan asas, memperkuatkan modal insan dan keusahawanan serta menyediakan peluang pekerjaan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YB TUAN HEE LOY SIAN  
[ PETALING JAYA SELATAN ]

**TARIKH :** 20 November 2014 (Khamis)

**SOALAN :**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil kajian Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [Akta 15] seperti yang dijanjikan oleh Perdana Menteri pada 11 Julai 2012.

**JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Julai 2012, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [Akta 15] dan menggantikannya dengan suatu undang-undang baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan untuk menggantikan Akta Hasutan 1948 dibuat bagi mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, dengan keperluan untuk menangani kompleksiti kemajmukan yang wujud di Malaysia.
2. Sungguhpun begitu, Kerajaan amat prihatin dan mengambil maklum akan pandangan dan maklum balas yang telah diberikan oleh pelbagai pihak berhubung dengan isu pemansuhan ini.
3. Sehubungan dengan itu, YAB Perdana Menteri melalui kenyataan akhbar beliau bertarikh 12 September 2014 telah memaklumkan bahawa rundingan yang menyeluruh akan diadakan dengan semua pihak berkepentingan. Selepas proses rundingan tersebut diadakan, barulah Kerajaan akan menentukan hala tuju yang akan diambil berhubung dengan Akta Hasutan 1948.

Sekian, terima kasih.